

## ASK pentas makyung sekali lagi

AKADEMI Seni Kebangsaan (ASK) akan mementaskan makyung, Anak Raja Gondang sebagai meneruskan tradisi mempertahankan kesenian tradisional yang semakin mendapat sambutan ramai.

Pementasan tahun ini sebagai lanjutan daripada pementasan tahun lalu yang mendapat sambutan hangat ketika ia dipentaskan di Panggung Eksperimen, Kompleks Budaya Negara.

Penolong Pengarah (Perhubungan Awam dan Pemasaran) ASK, Raja Nor Sheela Raja Aziddin, berkata pementasan kali ini juga akan diberikan sentuhan oleh primadona makyong, Khatijah Awang.

Khatijah selaku penyarah makyong di akademi berkenaan giat melatih pelajar untuk pementasan itu yang dijadual diadakan di Panggung Eksperimen mulai 27 hingga 29 Mac.

Raja Nor Sheela yakin pementasan kali ini oleh pelajar tahun tiga akademi berkenaan akan mendapat sambutan kerana kesenian tradisional semakin diminati oleh warga kota.

Selain makyung, ASK juga akan mementaskan *Bangsawan* berjudul *Bendahara Garang Perak* di Kompleks Penerangan dan Pelancongan (Matic) mulai 10 hingga 12 April.

Pementasan ini berhubung dengan seorang pahlawan Perak dan tokoh yang dipilih cukup terkenal. Pementasan *Bangsawan* dibimbing oleh Rahman B.

ASK juga akan mementaskan randai berjudul *Anggun nan Tungga* yang akan diadakan di Panggung Eksperimen mulai 17 hingga 19 April.

Randai adalah kesenian tradisional yang dipenuhi nyanyian dan lakonan terkenal di kalangan masyarakat Minang yang mengamalkan adat pepatih.